Bil 24 Januari 2009

# TINTA

## BERITA PERPUSTAKAAN ALAM DAN TAMADUN MELAYU (PATMA)

DALAM ISU INI


| | |
|---|---|
| Selamat Datang ke Perpustakaan ATMA | 1 |
| Semak Pinjaman / Perbaharui Online | 1 |
| Berita Warga PATMA | 2 |
| Pameran Bulanan | 2 |


## SELAMAT DATANG KE PATMA



Pihak Perpustakaan Alam Dan Tamadun Melayu ingin mengalu-alukan kedatangan pelajar baru dan pelanggan ke Perpustakaan ATMA. Untuk makluman, pelajar pra-siswazah dan pasca siswazah UKM boleh membuat rujukan dan menjadi ahli di Perpustakaan ATMA secara percuma kerana tiada lagi caj rujukan atau pinjaman dikenakan. Pelajar UKM Tahun 1 dan 2 boleh membuat rujukan pada hari Isnin, Rabu dan Jumaat. Pendaftaran keahlian boleh dibuat di Kaunter Pinjaman dan Pemulangan di Aras 2, Perpustakaan ATMA.

## SEMAK DAN PERBAHARUI PINJAMAN SECARA *ONLINE* DI GEMILANG

Pelajar dan kakitangan akademik UKM boleh menyemak rekod pinjaman dan memperbaharui pinjaman secara online dengan mengakses ***http://gemilang.ukm.my/***

Masukkan Patron ID (ID Pelanggan) dan *Password* (katakunci) yang telah didaftarkan dengan Perpustakaan ATMA.




1. Akaun anda akan terpapar bersama maklumat pinjaman dan denda, jika ada.

2. Tandakan pada kotak "*Select For Renewal*" untuk perbaharui pinjaman yang dikehendaki.

3. Klik "*Renew*"

4. Anda telah pun berjaya memperbaharui pinjaman anda. Pembaharuan pinjaman secara *online* ini hanya boleh dilakukan jika tiada tempahan untuk buku tersebut.

Perpustakaan Alam Dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor
Telefon : 03-8921 3108 / 03-8921 5132 Faks : 03-8921 5958 http://pkukmweb.ukm.my/~patma/

Universiti Kebangsaan Malaysia National University of Malaysia

# BERITA WARGA PERPUSTAKAAN ATMA

## LANTIKAN



02 Jun 08 : En Ham Zaid Sulaiman (Pembantu Perpustakaan S17) yang sebelum ini bertugas di Bahagian Pengurusan Jurnal & Jilidan di PTSL bertukar ke Perpustakaan ATMA.



11 Ogos 08 : Pn Mariatul Qibtiah Isa telah dilantik sebagai Pustakawan S41 di Perpustakaan ATMA.



7 Januari 2009 : Mohd Nazwan Abd. Kadir telah dilantik sebagai Pembantu Am Pejabat N1 (Sambilan) di Perpustakaan ATMA.

Ibnu Mas'ud r.a.:

"Hendaklah kamu mencari ilmu pengetahuan sebelum ianya terangkat, dan terangkatnya ilmu pengetahuan itu dengan kematian ahli-ahlinya. Seseorang kamu tiada dilahirkan sebagai orang yang sudah pandai. Jadi ilmu pengetahuan itu akan dicapai hanya dengan belajar."

## TAHNIAH

### PENGHARGAAN PERKHIDMATAN KAKITANGAN PERPUSTAKAAN 2008

Tahniah buat kakitangan PATMA yang berjaya mendapat penganugerahan untuk tahun 2008. Diharapkan dengan pencapaian ini, mereka akan lebih bersemangat dan dapat terus menyumbang dengan jayanya dalam perkhidmatan.

**Anugerah Kakitangan Harapan** — Rusiah Husin
**Anugerah Khidmat Masyarakat** — Ham Zaid Sulaiman
**Anugerah Petugas Kaunter Terbaik** — Nor Hidayah Harun

## JASAMU DIKENANG



- Cik Rosidah Endot telah mendapat penempatan di KPLI Sabah bermula Januari 2009. Beliau telah berkhidmat sebagai kakitangan sambilan di Perpustakaan ATMA selama 5 tahun. Pihak Perpustakaan ATMA mengucapkan tahniah dan semoga beliau berjaya dalam bidang yang diceburi.



- Mohd Sobrie Mohd Nor yang mula berkhidmat pada Mei 2008 sebagai Pembantu Am Pejabat N1 telah meletakkan jawatan pada November 2008 dan menjalani Latihan di Sarawak untuk melayakkan diri menganggotai pasukan Polis.

## PAMERAN BULANAN 2009

| PAMERAN BULANAN JAN—JUN 2009 | |
|---|---|
| JANUARI | BUDAYA KUALITI |
| FEBRUARI | KENALI WARGA AKADEMIK ATMA |
| MAC | KENALI WARGA AKADEMIK ATMA |
| APRIL | BUDAYA, SENI DAN WARISAN MELAYU |
| MEI | SASTERA MELAYU |
| JUN | KESULTANAN MELAYU |

